

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

PGT 460/4 : KEPIMPINAN SEKOLAH

Masa : [3 jam]

Kertas soalan ini mengandungi DUA Bahagian iaitu BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B. Calon-calon dikehendaki menjawab DUA soalan dari tiap-tiap Bahagian. Semua soalan membawa markah yang sama.


BAHAGIAN A

Pilih DUA soalan sahaja dari Bahagian ini.

1. Huraikan teori GRID PENGURUSAN oleh Blake dan Mouton. Pada pendapat anda sejauhmanakah teori tersebut dapat diaplikasikan kepada kepimpinan sekolah?
2. Huraikan teori KONTINUM PERLAKUAN oleh Schmidt dan Tannenbaum. Bagi setiap peringkat daripada kontinum tersebut huraian anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang konkrit dan nyata dalam konteks organisasi sekolah. Pada pendapat anda, peringkat-peringkat manakah yang sesuai diamalkan oleh seorang pengetua sekolah?
3. Apakah yang dimaksudkan dengan STRUKTUR TUGAS dan HUBUNGAN seperti yang disarankan oleh Hersey dan Blanchard di dalam teori kepimpinan mereka. Daripada model yang mereka bentuk seperti dalam Rajah I di bawah, jelaskan perkembangan dan perubahan situasi daripada MEMBERITAHU kepada DELEGASI dengan memberi contoh-contoh seperti yang terdapat dalam konteks kepimpinan sekolah.

Rajah I

MODEL HERSEY & BLANCHARD



(Diubahsuai dari Teori situasi oleh Hersey & Blanchard.)

(Management of Organisational Banavior. 4th ed. Englewood Cliffs, NJ : Prentice-Hall, 1982)

BAHAGIAN B

Jawab **DUA** soalan sahaja dari bahagian ini.

4. "Pengetua adalah dianggap sebagai pemimpin instruksi atau kurikulum." Bincangkan peranan Pengetua sebagai pemimpin tersebut kepada guru-gurunya di sekolah. Terangkan juga apa yang harus dilakukan oleh pengetua dalam memupuk perkembangan profesionalisme guru-gurunya.
5. Apakah yang dimaksudkan dengan BUDAYA ORGANISASI? Bincangkan peranan Pengetua sebagai pemimpin dalam membentuk BUDAYA SEKOLAH yang sesuai bagi proses pengajaran dan pembelajaran.
6. "Kaunseling kakitangan adalah salah satu aspek kepimpinan sekolah yang harus diberi perhatian." Bincangkan peranan Pengetua dalam menangani kakitangannya yang bermasalah dan huraikan prinsip-prinsip kaunseling yang dianggap berkesan untuk tujuan tersebut.

ooo0ooo

